



# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TN HJ MOHAMAD BIN JUSOH  
TOKOH GURU

OLEH:

AHMAD KHUZAIMI BIN ABDUL WAHID	2018298326
MUHAMMAD ALIF HAIKAL BIN MAZLAN	2019602114

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2020 – FEB 2021)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TN HJ MOHAMAD BIN JUSOH  
TOKOH GURU

OLEH:

AHMAD KHUZAIMI BIN ABDUL WAHID	2018298326
MUHAMMAD ALIF HAIKAL BIN MAZLAN	2019602114

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2020 – FEB 2021)

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali kami ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya kami diberi kekuatan dan ketabahan dalam menyiapkan tugas yang di berikan setelah melalui pelbagai halangan dan dugaan bagi menyempurnakannya. Sesungguhnya tugas yang diberikan ini benar-benar menguji kami dengan reliti kehidupan yang sebenar dalam mendapatkan maklumat mengenai bangunan lama atau bersejarah yang dipilih oleh kami.

Kami juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah subjek IMR 604 Madam Nurulannisa Binti Abdullah di atas kesudian beliau untuk berkongsi maklumat, membimbing serta memberi tunjuk ajar sepanjang proses kumpulan kami melaksanakan tugas ini. Sesungguhnya tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada beliau tidak mungkin kami dapat menyiapkan tugas kami seperti ini. Segala jasa dan penat lelaah beliau amatlah kami hargai dan kami manfaatkan sepenuhnya.

Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan Tn Hj Mohamad bin Jusoh di atas kerjasama yang telah diberikan oleh beliau sepanjang projek ini dijalankan. Kami amatlah berbesar hati di atas kesudian beliau meluangkan masa bersama kami untuk berkongsi maklumat yang beliau ketahui kepada kami. Kami bertuah kerana Tn Hj Mohamad bin Jusoh amat mudah untuk berkongsi ilmu serta mudah untuk berurusan sepanjang kajian di jalankan.

Tidak lupa juga, sekalung penghargaan kepada kawan-kawan yang turun membantu dalam proses menyiapkan tugas ini. Dorongan dan doa daripada ahli keluarga kami juga turut menyumbang kejayaan kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Ahmad Khuzaimi

Penemuabual

Muhammad Alif Haikal

Penemuabual

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

*Temubual ini dilakukan bersama guru besar iaitu Haji Mohammad Bin Jusoh 59 untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai guru di sebuah sekolah dan cabaran beliau seorang guru di (Sekolah Kebangsaan Bandar Kuala Krai). Temubual ini telah dijalankan melalui platform online. Tarikh temubual tersebut adalah pada bulan 14 Januari 2021 dan pada pukul 2:30 Petang sehingga 4:22 Petang. Beliau mula berkerja sebagai seorang guru pada 1983 sehingga sekarang. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh beliau semasa berkhidmat sebagai guru. Pengalaman beliau boleh dijadikan sebagai sumber inspirasi kepada semua orang.*

**Kata kunci:** *Guru, Pendidikan, pelajar, sumbangan, pencapaian*

*This interview was conducted with the headmaster, Haji Mohammad Bin Jusoh 59 to find out about his service in his career as a teacher at a school and his challenges a teacher at Sekolah Kebangsaan Bandar Kuala Krai). This interview has been run through an online platform. Date of interview was on January 14, 2021 and on 2:30 PM to 4:22 PM. He started worked as a teacher in 1983 until now. Various tests and challenges have been encountered by him while serving as a teacher. His experience can be used as a resource inspiration to everyone.*

**Keywords:** *Teachers, Education, students, contributions, achievement*

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i-ii
Abstrak.....	iii-iv
Isi Kandunga.....	v-vi
Biodata Tokoh.....	vii-viii
Pengenalan.....	ix-x
Transkrip	1
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	2
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	3-4
Bahagian 3: Sejarah dan Pengalaman Universiti.....	4-12
Bahagian 4: Pengalaman Kerjaya.....	12-33
Bahagian 5: Sumbangan dan Pencapaian.....	34-36
Bahagian 6: Harapan.....	37-40
Rujukan.....	41-42
Lampiran	
Log Wawancara.....	44-56
Diari Kajian.....	57-59
Senarai soalan.....	60-64
Surat Perjanjian.....	65
Gambar.....	66
Indeks.....	67-68



# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**

- Name: Mohamad Bin Jusoh
- Birth of date :
- Age: Years
- Residence: Kuala Krai, Kelantan
- Place of Duty: Sk Bandar Kuala Krai, 18000 Kuala Krai, Kelantan

### Pendidikan:

- Sekolah Agama di Meranti Pasir Mas,
- Sekolah Kampung Karangan
- Sekolah Menengah Manik Urai
- Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra
- Universiti Islam Antarabangsa (UIA)

# **PENGENALAN**

## Pengenalan

Kami telah diberi tugas daripada pensyarah untuk membuat kajian dan mencari tokoh yang berasal daripada negeri pantai timur dan berpengalaman dalam sesuatu bidang. Kami memilih bidang pendidikan sebagai tajuk untuk menyiapkan tugas ini. Oleh itu, tugas ini adalah wajib untuk kami laksanakan sebagaimana ia merupakan tugas bagi memenuhi skop projek untuk subjek Oral Documentation. Selain itu juga, tugas ini meliputi dari segi menemubual tokoh dan transkripkan segala percakapan di dalam bentuk bertulis atau dalam kata lain ialah sjarah lisan. Sepertimana yang diketahui, maksud sejarah lisan boleh diketengahkan satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu.

Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Oleh hal yang demikian, untuk mengetahui dengan lebih lanjut maklumat yang dicari, kami memilih Tn Hj Mohamad bin Jusoh sebagai tokoh yang ingin ditemubual untuk menjadikan tugas kami dapat disiapkan dan berjalan dengan lebih lancar.

Oleh itu, pengalaman yang dimiliki oleh beliau semasa menjadi guru membuatkan kami teruja untuk menemubual beliau seterusnya untuk mendapatkan maklumat penting sebanyak yang mungkin. Jadi, tugas sejarah lisan yang akan kami laksanakan ini mempunyai kepentingan yang berharga.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang guru. Bersama-sama kami ialah Tuan Hj Mohamad Bin Jusoh yang merupakan seorang guru besar Sk Bandar Kuala Krai ,Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 14 Januari 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 2 Petang melalui Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Ahmad Khuzaimi Abdul Wahid dan Muhammad Alif Haikal Mazlan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

### **Petunjuk**

**AK: Ahmad Khuzaimi**

**MAH: Muhammad Alif Haikal**

**TMJ: Tuan Mohamad Jusoh**

## BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG

**AK : Soalan pertama cikgu,saya mahu tentang biodata cikgu?**

TMJ : Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,saudara Ahmad Khuzaimi dan saudara Alif haikal,alhamdulillah syukur hari ini dapat kita mengadakan pertemuan melalui Google Meet setelah beberapa kali tergendala. Mengenai latar belakang saya,nama saya Mohamad Bin Jusoh,lahir di Pasir Mas Kelantan.Pada 7 September 1962.Umur sudah tahun,hampir umur bersara,insyallah tahun depan saya bersara atau bersara awal.Saya juga mempunyai seorang isteri dan 5 orang anak dan 4 orang cucu. Semua cucu saya semua berada di Kuala Lumpur,jarang -jarang sekali dapat jumpa.

**AK : Boleh cerita sikit tentang keluarga cikgu maksudnya ayah dengan mak cikgu ?**

TMJ : Ayah saya tinggal di Kuala Krai dan sekarang sudah meninggal dunia begitu juga dengan mak saya juga sudah meninggal dunia. Kedua-dua merupakan peneroka tanah hutan pada tahun 1950 an lagi. Saya sebenarnya tinggal di juga asalnya,dan sekarang saya sudah membeli tanah dan membina rumah sendiri di . Kedua-duanya orang tua mendapat Pendidikan di sekolah pondok sahaja.

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**AK : Di mana cikgu mendapat Pendidikan?**

**TMJ :** Pada zaman dahulu,sekolah tadika tidak muncul lagi hanya belajar dengan sendiri. Pada umur 7 tahun,saya bersekolah di sekolah agama di Meranti Pasir Mas, sehingga darjah 3 sahaja. Kemudian saya berpindah di Kuala Krai ,dan bersekolah di Sekolah Kampung Karangan sehingga darjah 6

**AK : Di mana cikgu mendapat Pendidikan?**

**TMJ :** Pada zaman dahulu,sekolah tadika tidak muncul lagi hanya belajar dengan sendiri. Pada umur 7 tahun,saya bersekolah di sekolah agama di Meranti Pasir Mas, sehingga darjah 3 sahaja. Kemudian saya berpindah di Kuala Krai ,dan bersekolah di Sekolah Kampung Karangan sehingga darjah 6

**AK : Bagaimana dengan sekolah menengah?**

**TMJ :** Pada tahun 1974 ,saya bersekolah di Sekolah Menengah Manik Urai sehingga tahun 1978 dan berpindah Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra untuk memasuki ke tingkatan 6 Atas sehingga 1981.Kemudian ,saya membuat permohonan ke Universiti dan tidak Berjaya pada masa itu. Selepas itu,saya membuat permohonan kerja sebagai guru sandaran tidak terlatih (GSTT). Pada 16 Februari 2021,saya menjadi guru (GSTT) sebelum saya masuk maktab di Sekolah



Kebangsaan Jeram Gua Musang dan itu sekolah pertama yang saya mengajar.

**AK : Cikgu pernah mengikuti kursus-kursus professional ?**

TMJ : Saya tidak pernah mengikuti sebarang kursus selain daripada kursus perguruan

### **BAHAGIAN 3. SEJARAH DAN PENGALAMAN DI UNIVERSITI**

**MAH : Bagaimana pengalaman cikgu semasa berada di Universiti?**

TMJ : Saya berasa unik sedikit kerana saya bermula sebagai guru sandaran tidak terlatih (GSTT) pada 16 Februari 1983 dan kemudian pada tahun 1985 ,saya ditawarkan kursus dalam cuti (KDC) yang mana *bila* [apabila] bermulanya cuti sekolah pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ini balik ke Universiti dan *bila* [apabila] bermulanya sekolah,kami dikehendaki untuk mengajar. Pada tahun 2012 ,saya ditawarkan kursus siswazahan khas untuk guru besar (PKPGB).Pengalaman Universiti saya bermula disini Kalau mahu tanya berkenaan dengan pengalaman sepenuh masa sebagai pelajar universiti itu saya tidak mengalami juga kerana saya hanya pergi kursus ini dengan waktu-waktu tertentu sahaja selalunya hanya sebulan saya sahaja berada di Universiti. Saya ditawarkan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak. Saya ditawarkan kursus *Educational Management* [Pengurusan Pendidikan] Jadi bermula disitu,boleh tanya pengalaman-pengalaman saya berada di Universiti

**MAH : Ketika cikgu berada di Universiti Islam Antarabangsa**

**(UIA) ,cikgu boleh ceritakan apa kemudahan yang UIA ada ketika itu?**

TMJ : Saya ditawarkan pada tahun 2012 ,maksudnya jarak dengan tahun sekarang tidaklah jauh sangat beza. Semua kemudahan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) lengkap dan semua kemudahan ada dekat sana.Kami tidak mempunyai masalah kemudahan dekat sana dengan adanya *Library* [Perpustakaan] dan dewan termasuk kemudahan kelas yang lengkap

**MAH : Program yang cikgu ikuti ini adakah melibatkan dengan pelajar antarabangsa ?**

TMJ : Di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Kami selalu dihimpun bersama dengan pelajar antarabangsa ,bukan setakat pelajar malah pensyarah juga ada yang daripada *foreigner* [Antarabangsa] seratus peratus [100%] daripada negara luar dengan menggunakan bahasa Inggeris seratus peratus.Kami ada yang faham dan juga tidak faham tetapi masih boleh mengikuti.

**MAH : Cikgu masih ingat lagi ke ketua Fakulti Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada masa itu?**

TMJ : Ketua fakulti pendidikan pada masa itu, Dr Burhan bin saya tidak ingat [mengiling kepala]

**MAH : Apa persepsi rakan-rakan dan keluarga mengenai kursus ini?**

TMJ : Boleh dikatakan semua rakan dan keluarga menyambut baik

**MAH : Apakah keunikan fakulti tersebut??**

TMJ : Saya berasa tidaklah unik sangat fakulti tetapi oleh kerana kami daripada kalangan guru besar,jadi *bila* [apabila] kami mengikuti kursus pendidikan kami tidak berasa *kekok* [janggal] malah pensyarah mengakui yang kami dimana kami telah mengajar banyak tahun contohnya saya mula mengajar 1983,pensyarah - pensyarah pula muda daripada kami ,pensyarah mula terpegun dengan pengalaman yang kami ada.Tetapi dari segi keilmuan pensyarah lebih baik kerana ada yang profesor yang mengajar kami.Tetapi dari segi pengalaman kami di lapangan maksudnya disekolah,kami mempunyai lebih pengalaman dan membuatkan pensyarah terpegun dengan pengalaman kami.Itulah saya rasa dari segi keunikan kursus ini.Perkara -perkara lain tu rasanya tidak ada sangat disebabkan oleh saya bukan pelajar sepenuh masa.

MAH : Apa yang disebut oleh cikgu itu,saya rasa unik kerana kami masih muda dan juga tidak ada pengalaman manakala cikgu pergi universiti dan mempunyai pengalaman dan daripada situ saya berasa unik kursus cikgu ini

:

**MAH** : **Ada rasa *kekok* [janggal] dengan pensyarah disana kerana cikgu merupakan seorang guru besar dan masih belajar di universiti?**

TMJ : Sebenarnya,saya rasa tidak *kekok* [janggal} cumanya kadang-kadang pensyarah memanggil cikgu kepada kami.Itu membuatkan kami *kekok* sebenarnya.Mereka sangat *friendly* [baik] dan kami berasa selasa. Saya juga berasa *kekok* [janggal] dengan pensyarah foreigner kerana dari segi bahasa mereka dan juga mereka tidak beberapa faham dengan suasana kita

**AK** : **Sepanjang berada di UIA itu,pernah terlibat dengan apa-apa persatuan?**

TMJ : Kursus atau program khas iaitu PKPGB ini,kami tidak dilibatkan dengan persatuan.Dari segi itu,saya tidak boleh cerita kerana tidak mempunyai pengalaman.Tetapi program yang turut serta contohnya seminar kami akan turut

**AK** : **termasuklah sukan ?**

TMJ : termasuklah sukan

**MAH** : **Kalau menyertai pertandingan anjuran fakulti?**

TMJ : Tidak ada [mengiling kepala]

**AK : tidak terlibatlah maksudnya ?**

TMJ : Ya,tidak dilibatkan. Bukan kerana kami tidak mahu menyertai tetapi kami tidak dilibatkan.Sebenarnya ,kami pergi ke universiti ditaja oleh kementerian dan bukannya kami mohon sebagai pelajar universiti biasa. Sebab itu kami dipanggil program khas.

**MAH : Pernah menerima apa-apa anugerah anugerah atau penghargaan daripada fakulti??**

TMJ : Tidak,cuma masa akhir atau graduasi ketika ijazah ,kesemua rakan sekelas saya 16 orang semua dapat anugerah dekan yang kami tidak memetingkan diri sendiri dan bersepakat menyiapkan segala tugas bersama sehingga semua berjaya.

**MAH : Cara mengurus kewangan ketika berada di fakulti?**

TMJ : Dari segi kewangan saya rasa tidak mempunyai masalah kerana kami masih dibayar gaji penuh dan juga diberi elaun iaitu RM12.50 sen satu hari.Jadi,saya rasa tiada ada masalah dari segi kewangan.

**MAH : Adakah cikgu pernah pergi lawatan sepanjang berada di fakulti?**

THH : Ada,pergi ke IAB, dan juga sekolah yang ada *benchmark* [penanda aras] dan juga pernah pergi SK Ulu Lubai Sarawak ketika belajar dan sebagainya

**MAH : Bagaimana dengan tempat kediaman semasa di fakulti**

TMJ : Pada tahun pertama dengan kedua,kami ditempatkan di kolej atau dipanggil *mahallah* [asrama] yang mana tempat perkampungan pelajar bersama pelajar-pelajar lain.Untuk tahun ketiga sehingga habis ,kami ditempatkan di tempat khas selalunya pihak universiti akan menyewa *homestay* [rumah tumpangan] kerana kami merupakan pelajar program khas bukan seperti pelajar-pelajar lain. Kami ditempatkan di *homestay-homestay* [rumah tumpangan-rumah tumpangan] berdekatan dan kemudahan disitu lengkap. Kami ditempatkan dalam lima orang dalam satu rumah.

**MAH : Bagaimana dengan kemudahan kenderaan?**

TMJ : Ketika kami tinggal di *homestay*,[rumah tumpangan ] kami menaiki kenderaan sendiri manakala *bila* [apabila] ada program-program universiti pihak univeristi akan disediakan dan *bila* [apabila] ingin ke kelas kami akan menaiki kenderaan sendiri secara bergilir-gilir kerana semua mempunyai kenderaan sendiri.

**AK : Cara pelajar zaman dahulu berkomunikasi ketika membuat kerja berkumpulan ,perbincangan atau ulangkaji atau cara cikgu belajar atau membuat assignment ketika itu?**

TMJ : Saya rasa sama sahaja dengan pelajar-pelajar lain dari segi tugas walaupun dengan umur kami yang meningkat,kami perlu belajar lebih.Maksudnya,dari segi tugas kami diberi masa sama dengan pelajar lain dan kami juga tepati masa untuk hantar balik tugas.Dari segi buat rujukan juga sama iaitu pergi *library* [perpustakaan] dan dapatkan sumber daripada unit-unit tertentu. Saya berasa tidak ada beza dengan pelajar lain

**AK : Adakah cikgu ingat jumlah perbelajaan semasa pengajian dahulu. Tetapi cikgu ditaja kan ?**

TMJ : Ya,saya tidak tahu berapa kerana saya ditaja oleh Institut Aminudin Baki dan dianjurkan oleh UIAM.

**AK : Seterusnya,kaedah pembelajaran iaitu cara cikgu amalkan semasa belajar di Universiti dahulu.**

TMJ : Sama seperti pelajar lain seperti belajar secara kumpulan ,belajar secara individu. Semasa pensyarah masuk,mereka akan bagi mengajar sekejap dan juga akan memberi tugas kepada kami.Apabila pensyarah mahu tugas secara

individu,kami akan buat secara individu dan tugas secara kumpulan kami akan buat secara kumpulan.

**AK : Bagaimana cara mengurus masa ketika berada di Universiti.**

TMJ : Dari segi mengurus masa,seperti dimaklumkan sebelum ini ,kami merupakan seorang guru besar yang juga mempunyai tugas atau komitmen di sekolah itu,kami dikehendaki memantau juga. Saya rasa kena pandai mengurus masa contohnya kalau ada tugas yang diberikan pensyarah,haruslah *buat* [membuat] tepat masa kerana tangguh kita akan ada masalah tunggakan tanggungjawab seorang pelajar universiti

**AK : Apakah subjek kesukaan ketika berada di universiti dahulu?**

TMJ : Saya rasa subjek yang saya bagi lebih tumpuan adalah subjek Pengurusan kerana ia belajar tentang manusia.

**AK : Macam mana pengetahuan mengenai prospek kerjaya seorang guru pada ketika itu?**



TMJ : Dari segi pengetahuan ,saya sudah mempunyai pengetahuan kerana sudah menjadi guru cumanya dari segi ilmu secara formal kami kurang lagi tetapi dari segi pengalaman kami sudah ada.Dari prospek kerjaya seorang guru,kami sudah memahami mengenai kerjaya ini.

#### **BAHAGIAN 4 PENGALAMAN KERJAYA**

**AK : Seterusnya kita pergi kepada pengalaman kerjaya sebagai seorang cikgu. Soalan pertama ialah sekolah pertama cikgu mengajar termasuk tahun bila ?**

TMJ : Sekolah pertama saya melaporkan diri sebagai guru sandaran tidak terlatih ialah SK Jerek Gua Musang pada 16 haribulan Februari tahun 1983.

**AK : Subjek pertama cikgu mengajar ?**

TMJ : Subjek bahasa melayu dan sains.

**AK : Kaedah PDP (Pengajaran dan Pembelajaran) yang digunakan oleh cikgu sewaktu zaman itu ?**

TMJ : Cikgu sewaktu ini banyak menggunakan kaedah “chalk & talk”.  
Maksudnya guna papan hitam dan buku latihan.

**AK : Cikgu masih mengingati anggaran pelajar ketika itu ?**

TMJ : Seingat saya pada waktu itu ada dalam anggaran 70 pelajar. Kelas pada masa itu juga adalah kelas cantum. Mungkin Khuzaimi dan Alif tidak beberapa faham apa maksud kelas cantum tersebut. Kelas cantum ini dia tidak mencukupi ramai murid contohnya tahun 1 gabung dengan tahun 2, tahun 3 gabung dengan tahun 4 dan ia dipanggil sebagai kelas cantum

**AK : Soalan seterusnya jarak antara sekolah dengan rumah kediaman ?**

TMJ : Maksudnya sekolah terdahulu ke ?

**AK : Ya, sekolah terdahulu.**

**TMJ** : Sekolah dulu jauh, kalau dari sini saya naik kereta api pergi ke Kuala Krai kemudian saya turun di Jerek. Banyak kilometer masa itu dan pengangkutan yang ada hanya kereta api sahaja.

**AK** : **Adakah cikgu merasa tertekan ketika menjadi seorang cikgu ?**

**TMJ** : Yang itu tiada cuma sekali-sekala apabila kerja terlalu banyak semasa kita menjadi cikgu biasa dulu tidaklah sampai tahap tertekan cuma tidak selesa sampai kadang-kadang waktu nak beriadah dengan kawan-kawan juga tidak dapat cuma tidak ke tahap gangguan emosi.

**MAH** : **Bagaimana cikgu mengawal pelajar di dalam kelas dengan baik ?**

**TMJ** : Cara kita kawal kelas mungkin tidak sama antara seorang cikgu. Kalau saya lebih tengok keadaan. Kalau kelas yang senang dikawal kita beri pujian jadi murid dapat menerima dengan baik apa yang kita ajar manakala kalau kelas bawah nak mengawal itu susah sedikit jadi terpaksa menggunakan kekerasan iaitu kena bertegas kalau tidak bertegas mereka tidak akan mendengar tunjuk ajar kita. Tetapi mereka juga perlu dipuji

bukan setiap masa kena bertegas sebab kadang-kadang mereka perlukan perhatian yang lebih. Kebiasaanya tidak semua tetapi ada segelintir yang tidak mendapat perhatian ibu bapa di rumah mungkin kerana kesibukkan bekerja mencari nafkah jadi mereka terasa terabai maka guru yang akan memainkan peranan di sekolah.

**MAH : Tadi cikgu ada menyebut pasal kelas cantum jadi macam mana pelajar tahun 1 dan pelajar tahun 2 akan belajar sekali. Adakah pelajar tahun 1 akan belajar subjek tahun dua juga atau macam mana ?**

**TMJ : Silibus itu kita gabung juga tapi kita ambik yang pertengahan yang kedua-dua pelajar boleh ikuti.**

**MAH : Adakah sukar menjadi guru besar ? apakah kriteria menjadi guru besar dan apakah cabaran menjadi guru besar ? Boleh tak cikgu ceritakan ?**

**TMJ : Boleh. Dari segi kriteria ini untuk menjadi guru besar ini kalau pada zaman saya dia tidak ada lagi MPQEL. MPQEL ini kita kena mohon untuk jadi guru besar, kita kena lulus ujian, kena lulus temuduga. Dia ada peringkat lulus kecergasan tapi pada zaman saya dulu dari segi itu tidak ada cuma kita hanya mohon biasa saja iaitu isi borang. Kemudian dari segi kriteria**

pemilihan itu terserah kepada pihak bertanggungjawab. Mereka yang menentukan ada kriteria sebagai seorang guru besar. Lagi satu apa dia dah soalan tadi ? Cabaran atau perasaan ?

**MAH : Cabaran dan perasaan. Nak cerita dengan perasaan dulu boleh juga.**

**TMJ :** Manakala perasaan menjadi guru besar ada 2 perasaan. Pertama sebab ia benda baru kita akan rasa tertanya-tanya “Bolehkah aku melaksanakan tugas sebagai guru besar ?” Tapi dengan keyakinan diri kita kena ada sifat yakin diri kalau tidak kita tak sampai kemana dengan ada sifat keyakinan diri kita rasa kita boleh buat jadi kalau kita tidak tahu kita kena bertanya kepada orang yang tahu. Dari segi cabaran pula, boleh bawa peranan kita sebagai guru besar tidak timbul sebarang masalah tetapi kalau kita rasa keangkuhan dan keegoan kita sebagai guru besar kita akan menghadapi masalah terutama sekali semasa nak memberi arahan kepada cikgu-cikgu. Kalau kita nak bagi arahan dan kita merasakan yang kita ini adalah guru besar semua arahan aku ini kena ikut dan kena patuh, maka kita akan menghadapi masalah. Kena demokratiklah maksudnya dari segi

kepimpinan kita bagi peluang kepada cikgu-cikgu juga saya rasa tidak akan menjadi sebarang masalah. Kita boleh melaksanakan tugas kita sebagai seorang guru besar dengan sokongan daripada cikgu-cikgu dan kakitangan kita.

**MAH : Macam mana cikgu agihkan masa dengan keluarga dan kerjaya ?**

TMJ : Sebenarnya saya rasa tidak menjadi sebarang masalah antara nak agihkan masa antara kerjaya dan keluarga. Cuti rehat khas kita ada, cuti mingguan juga kita ada jadi *bila* [apabila] hari cuti gunakanlah sepenuh cuti kita itu untuk bersama-sama dengan keluarga kita dan misal kata cuti mingguan itu juga kita tak sempat, kita boleh mohon cuti rehat sebab kita ada cuti rehat. Kalau sebagai seorang guru besar kita ada peruntukan cuti rehat selama 5 hari setahun jadi tak timbul masalah untuk bahagi masa jadi masa cuti kita guna sepenuh masa dengan keluarga dan masa kita bekerja, bekerjalah dengan sepenuhnya untuk kerjaya kita.

**MAH : Apakah perbezaan ketara cikgu rasa sewaktu menjadi guru biasa dan guru besar ?**

TMJ : Perbezaan yang ketara ialah semasa menjadi guru biasa kita diarah semasa

kita menjadi guru besar kita mengarah. *Tapi* [tetapi] kedua-duanya ada cara tersendiri. Guru biasa melaksanakan apa arahan yang diberikan oleh guru besar kita dan *bila* [apabila] kita menjadi guru besar kita mengarahkan cikgu-cikgu kita tapi kena dengan cara berhemah dan bijaksana. Kalau kita guru besar kita tak boleh nak arah ikut suka kita sebagaimana saya sebut awal tadi.

**MAH : Berapa lama cikgu berkhidmat sebagai guru besar ? Sudah berapa tahun ?**

TMJ : Berapa tahun dah ye ? Dari 2011 lagi. 10 tahun sudah tempoh berkhidmat dah nak masuk 11 tahun rasanya tahun ni tahun yang kesebelas... Betul dah tahun kesebelas.

**MAH : Pada pendapat cikgu, perbezaan murid dahulu dan murid sekarang ?**

TMJ : Jauh juga bezanya. Murid dahulu dia tidak banyak pendedahan seperti murid-murid sekarang kerana dari segi sikap atau tingkah laku juga memang berbeza sebab murid-murid dahulu ini, tahu lah orang dulu ini dia lebih kepada menghormati guru-guru tetapi murid sekarang ini bukan dia

tak hormat guru, dia hormat tapi cara penghormatan dia itu berbeza sedikit kerana pendedahan sudah terlalu banyak pada zaman sekarang ini ada macam-macam pendedahan seperti internet, video dan macam-macam lagi. Kalau murid dahulu dia tidak terdedah dengan perkara ini jadi *bila* [apabila] tidak terdedah itu dia lebih mengikut tunjuk ajar cikgu dan boleh terima tetapi murid sekarang ini apa yang cikgu beri tunjuk ajar bukan dia tak terima tetapi dia kaji dahulu. Jadi inilah pertembungan budaya dahulu dan budaya sekarang.

**MAH : Apa ciri-ciri menjadi guru cemerlang ?**

TMJ : Kerjasama dengan rakan sejawat

**MAH : Apakah perbezaan sekolah rendah dan sekolah menengah ?**

TMJ : Maksud perbezaan yang macam mana Alif nak tahu ?

**MAH : Suasana pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Macam pelajar sekolah rendah lain ragamnya dan pelajar sekolah menengah juga lain ragamnya.**



TMJ : Kalau sekolah menengah saya cuma ada pengalaman sebagai seorang pelajar sahaja iaitu pada zaman dahulu. Kalau pada zaman sekarang kalau nak cakap dari segi perbezaan budak-budak sekolah rendah ini kecil dan paling tua baru sahaja 12 tahun. Kalau sekolah menengah bermula dengan 13 tahun jadi dari segi itu jauh beza. Pertama sekali kalau teguran pelajar sekolah rendah ini dia boleh terima kerana lebih kepada takut kalau dari sekolah menengah itu nak kata dia takut tu berkuranglah sebab sudah besar. Sebab itu dari sekolah rendah *bila* [apabila] dia masuk tingkatan 1 dia akan berlaku kejutan budaya. Kalau sekolah rendah dia akan merasa dia yang paling besar dan tua tapi *bila* [apabila] dia pergi ke sekolah menengah dia lagi rasa dia paling besar tapi sebenarnya dia yang paling kecil. Itu dari segi kejutan budaya. Itu adalah perbezaan yang paling ketara antara sekolah rendah dan sekolah menengah. Kemudian dari segi tingkah laku kalau sekolah rendah kalau ada kes lebih kepada kes-kes kecil sahaja seperti mengumpat tetapi kalau sekolah menengah kalau sudah tingkatan 4 dan 5 dah ada kes yang besar-besar seperti bergaduh. Kalau sekolah rendah dia bergaduh di dalam sekolah sahaja dan cikgu-cikgu boleh menyelesaikan dengan menghantar ke guru bimbingan tetapi kalau sekolah menengah kebiasaan akan bergaduh sampai ke luar sekolah. Itu dari segi tingkah laku dan kelakuan. Dari segi pembelajaran dalam kelas pula, kalau sekolah rendah dia tidak lagi nampak hala tuju sendiri tetapi kalau sekolah menengah dia dah nampak arah tuju ke arah mana dia nak bawak hidup dia selepas itu jadi mereka akan belajar bersungguh-sungguh terutama tingkatan

4 dan 5 kerana SPM adalah segala-galanya. Ada ijazah bertimbun-timbun kalau SPM tak lepas dia tak boleh bekerja jadi dia sudah tahu hala tuju. Itulah dari segi pembelajaran.

**MAH : Bagaimana cara cikgu mentadbir sekolah ? Mungkin cikgu ada moto dan prinsip cikgu sendiri. Contoh soalan?**

TMJ : Memang ada. Kalau saya, saya suka menggunakan akronim saya ambil singkatan yang berkaitan dengan nama sekolah. Masa saya mula dilantik sebagai guru besar di SK Kampung Tengah, saya guna SEKATA. Saya ambil singkatan akronim SEKATA. SE itu ialah sekolah KATA itu Kampung Tengah. Jadi maksudnya ialah senang jadi kalau kita *buat [membuat]* satu-satu kerja kalau kita sekata, sepakat, sehati semua akan berjalan dengan lancar. Semasa menjadi guru besar di SK Lakloh saya menggunakan SEKALA. SEKALA ini maksudnya garis panduan. Kalau *buat [membuat]* apa-apa mesti ada garis panduan dan semasa saya menjadi guru besar di SK Bandar saya menggunakan akronim SEDAR. SE itu sekolah dan DAR itu Bandar. SEDAR itu sedar diri lah masing-masing sedar dan tahu apa yang perlu dibuat. Jadi bila *buat [membuat]* apa saja mesti sedar diri apa itu tugas dan tanggungjawab. Kelas juga saya gunakan SEDAR 1, SEDAR 2 dan seterusnya semua saya menggunakan SEDAR. Moto SEDAR saya sendiri, murid-murid saya dan cikgu-cikgu saya kena tahu apa itu SEDAR. Jadi *bila [apabila]* kita *buat [membuat]* apa-apa tugas dalam keada sedar In Shaa Allah akan berjaya dan SK Bandar sekarang ini pemerhati sekolah untuk TS25. Mungkin Alif dan Khuzaimi pernah dengar TS 25.

**AK & : Tak pernah dengar. Apa itu cikgu TS 25 tidak jelas tadi.**

**MAH**

**TMJ : TS 25 itu ialah transformasi sekolah. TS25 itu maksudnya pada tahun 2025 nanti semua sekolah akan menjadi transformasi.**

**AK : Soalan seterusnya bagaimana cikgu mengawal murid bermasalah ?**

**TMJ : Murid masalah ini sebenarnya kita tidak boleh terus menghukum dia. Kita cuba guru kelas dahulu kalau tak boleh juga kita akan hantar ke guru bimbingan. Saya juga akan bersama dengan cikgu-cikgu bimbingan untuk cari jalan penyelesaian masalah ini dikategorikan sebagai murid bermasalah. Bila sudah tahu punca dia In Shaa Allah kita boleh selesaikan.**

**AK : Cikgu rasa *gpo* [apa] tanggungjawab paling penting semasa menjadi guru besar ?**

**TMJ : Paling penting kita nak bawak hala tuju sekolah sehingga berjaya. Saya**

meletakkan hala tuju saya di atas sekali ialah saya letak moto sedar di puncak jaya. Maksudnya visi tahun 2020 sepatutnya tercapai tetapi tidak tercapai seperti yang dikehendaki kerana masalah pandemik. Alhamdulillah bulan 12 baru-baru ini sekolah saya terpilih daripada 4 buah sekolah dalam Malaysia untuk dijadikan kajian TS 25.

**AK : Seterusnya *gano* [bagaimana] cikgu mengekalkan hubungan antara cikgu di sekolah tersebut?**

TMJ : Macam awal-awal yang saya sebut tadi macam moto itu, saya memperkenalkan moto SEDAR itu jadi bila saya mintak memberi penerangan apa maksud SEDAR apa tujuan SEDAR termasuk program TS25 saya menerangkan peranan kalau kita sedar itu maksudnya kita faham. Kalau masing-masing sedar dia tahu tugas,tanggungjawab dan peranan dia baik murid,guru atau pekerja sekalipun jadi *bila* [apabila] masing-masing sedar *bila* [apabila] saya suruh *buat [membuat]* sesuatu benda,perkara ataupun arahan yang saya berikan dia tidak akan protes dan timbul masalah apabila ini sudah menjadi tanggungjawab masing-masing. Jadi hubungan itu tidak jadi satu masalah apabila sedar. Antara guru juga perlu sedar siapa dia dan apa peranan rakan dia jadi masing-masing kena ada peranan. Kita kena buang sikap iri hati. Apabila semua tahu akan kesedaran baik cikgu,pelajar,Kakitangan,pekerja swasta dan Pegawai

keselamatan jadi hubungan itu tidak jadi masalah. Buang sifat iri hati dan hasad dengki jadi tidak timbul masalah maka hubungan boleh dieratkan.

**AK : Termasuk hubungan antara staf-staf juga sama ?**

TMJ : Sama juga sebab penerangan tentang SEDAR merangkumi semua warga. *Bila* [apabila] sebut warga ini semua yang berada di dalam sekolah.

**NK : Apakah kenangan manis dan pahit semasa cikgu menjadi guru besar ?**

TMJ : [Ketawa] Kalau nak kata pengalaman pahit itu tiada sebenarnya bila kita rasa cikgu-cikgu kita ataupun kakitangan kita dan murid-murid kita boleh terima kita dia tidak akan ada pengalaman pahit. Cuma dari segi pengalaman manisnya apabila satu-satu kejayaan di peringkat sekolah boleh tonjolkan kiat akan rasa pengalaman manis. Sebagai contoh pada tahun 2018 itu, 5 cikgu saya bersama dengan 5 murid menang ke peringkat antarabangsa di UMK Pengkalan Chepa menyertai satu pertandingan kolokium. Bukan senang untuk menang peringkat antarabangsa. Selain itu, antara yang menyertai pertandingan ke peringkat antarabangsa ialah

taekwando. Banyak juga anak murid saya yang menyertai taekwando ke peringkat antarabangsa. Seterusnya kemenjadian murid saya seperti pasukan kompiang sekolah saya kalau ada kenduri mereka akan dijemput dan upah yang diterima sebanyak RM200 pada murid-murid itu. Ini antara pengalaman manis yang saya dapat ceritakan kalau nak cari yang pahit itu tidak ada di sekolah sebenarnya. Yang terbaru adalah yang saya sebutkan tadi sekolah saya terpilih dari 4 sekolah yang berada di Malaysia untuk kajian impak keberkesanan TS25. Jadi yang terlibat hanya 2 buah sekolah rendah dan 2 buah sekolah menengah. Sekolah rendahnya ialah sekolah saya SK Bandar dan SK Persing Sembilan, Putrajaya kemudian sekolah menengah satu di utara dan satu di selatan Johor. Ini ialah 4 buah sekolah di seluruh Malaysia. Jadi ini juga boleh dikatakan sebagai kenangan manis pada saya kerana tidak mudah dalam Malaysia ada banyak sekolah yang ada tetapi hanya 4 buah sekolah sahaja yang dipilih.

**AK : Bagaimana cikgu mengekalkan kondisi infrastruktur sekolah dalam keadaan baik ??**

TMJ : Ini kita beri peranan cikgu 3K. 3K ini ialah kebersihan,keceriaan dan kesihatan. Jadi cikgu sebagai ketua pasukan bersama cikgu-cikgu aset untuk kita tengok aset kita. Kemudian dari segi frasarana luar kita bekerjasama dengan pekerja swasta kita dan antara tips pada saya ialah kita jangan biarkan benda itu jadi lusuh baru kita pulih balik. Kalau sudah lusuh

baru kita nak baiki balik itu sudah terlambat. Contohnya bilik mesyuarat saya tidak lusuh sangat tapi jangan kiat tunggu sampai kain langsir koyak rabak baru kita nak uruskan kita kena jaga jangan sampai berlarutan termasuk juga kawasan bangunan.

**AK : Pada hari guru adakah cikgu mengenakan tema untuk memeriahkan hari tersebut ?**

TMJ : Itu saya rasa sudah menjadi *trend* [fenomena] sekarang ini. Ia bukanlah kemestian tetapi sudah menjadi kebiasaan pada zaman sekarang ini memang tidak boleh dielakkan termasuk sekolah saya. Kalau sebelum ini sekolah saya mengenakan tema kerjaya maksudnya semua cikgu memakai pakaian uniform sebagai seorang polis, doktor dan sebagainya.

**AK : Adakah cikgu memberi fokus unit kokurikulum sebaris dengan unit akademik ?**

TMJ : Dari segi TS 25 ini dia ingin melihat kemenjadian murid. *Bila* [apabila] nak tengok kemenjadian murid secara automatik kena selari semua sekali dari segi sahsiah murid, akademik dan kokurikulum. Dari segi kokurikulum

kalau nak berjaya kena jadi seorang yang berdisiplin jadi kalau tak berdisiplin kita tak akan berjaya. Contohnya murid saya pernah menyertai peringkat kebangsaan tajaan KFC dan menjadi juara di Paroi, Negeri Sembilan. Maksudnya kena sebaris laa kalau cemerlang akademik sahaja tidak boleh juga.

**AK : Cara cikgu mencari bakat di dalam bidang seperti nasyid,sukan,kokurikulum dan sebagainya ?**

TMJ : Untuk ini mudah sahaja kita beri peluang dulu kepada yang berminat. Seterusnya kita membuat pemilihan kerana tak semestinya dia berminat itu dia ada bakat. Yang ada bakat itu baru kita pilih melalui bantuan cikgu berpengalaman.

**AK : Seterusnya bagaimana cikgu menguruskan kewangan sekolah ?**

TMJ : Kewangan sekolah ini kita kena belanja secara berhemah dan mengikut SOP tidak boleh berbelanja sesuka hati sahaja jadi alhamdulillah sekolah saya sudah 6 tahun audit cemerlang. Kalau kita nak beli apa-apa kita kena berbincang dulu dalam jawatankuasa tidak boleh membuat pembelian



sembarangan kemudian kita kena membuat permohonan.

**AK : Bagaimana hubungan pihak PIBG dengan sekolah**

TMJ : Hubungan dengan PIBG alhamdulillah tidak timbul sebarang masalah. PIBG sangat-sangat membantu dan Yang Dipertua PIBG saya seorang doktor jadi bila seorang doktor ini dia tahu bagaimana dia nak uruskan persatuan ibu bapa. Dia selalu memberi kerjasama sepenuhnya kepada kami termasuklah tenaga,wang ringgit dan sebagainya dan dia tidak kedekut untuk pembangunan sekolah. Dia ada membuat tuisyen sendiri percuma sahaja kepada murid SK Bandar. Kita pilih murid murid yang ada potensi dan kita bagi murid ity menyertai secara percuma dan sekiranya prestasi murid itu jatuh kita akan tukar dengan murid lain sebab dia bukan hak individu sebenarnya. Hak murid yang ada potensi dan mahu belajar secara cemerlang.

**AK : Sekiranya ada pihak lain seperti MILO, Yakult dan sebagainya datang ke sekolah bagaimana cara cikgu menyambut kedatangan tersebut ?**

TMJ : Maksud di sini ialah saya memberi sokongan ataupun tidak. Sebenarnya dari segi ini kita diminta sangat-sangat untuk bekerjasama dengan pihak

luar NGO dan sebagainya. Jadi bukan kami yang tunggu pihak luar kadang-kadang kami yang datang menjemput mereka. Kalau di Kuala Krai saya selalu menjemput Marrybrown. Kita membawa maskot dia dan ada juga kita menjemput Ana Muslim untuk program dengan pusat sumber. Sebenarnya kami tidak boleh tunggu NGO datang sebaliknya pihak sekolah yang kena proaktif menjemput mereka. Jadi kalau mereka datang kemari untuk bekerjasama pihak sekolah menyambut kedatangan mereka dengan hati yang terbuka.

**AK : Apakah program tuan bersama cikgu dan staf di sekolah yang tidak melibatkan pelajar ?**

TMJ : Contoh paling mudah hari keluarga tidak melibatkan murid ini hanya diantara cikgu dan kakitangan sahaja

**AK : Apakah program yang cikgu sediakan untuk pelajar *nok prekso* menghadapi peperiksaan ?**

TMJ : Antaranya kita membuat kelas tambahan itu biasalah semua sekolah buat termasuk mengikut seminar dan topik belajar mengikut. Saya hanya sebut apa yang sekolah saya buat sahaja. Untuk sekolah saya dengan kerjasama PIBG,mana-mana pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan terutama sekali pelajar tahun 6 kita akan melakukan solat subuh bersama-sama seminggu sekali setiap hari rabu. Setiap hari rabu kita kan sembahyang

subuh di sekolah dan selepas sembahyang subuh pelajar akan masuk ke kelas bersama ajk PIBG. Ajk PIBG akan bagi soalan kepada semua murid. Selepas itu apabila masuk pukul 7 ajk PIBG akan keluar dan akan digantikan dengan cikgu yang bertugas. Ajk PIBG sekadar menjaga dan memberi soalan sahaja dan bukannya mengajar kerana itu adalah tugas seorang guru. Jadi itulah kelainan dan keunikan yang terdapat di sekolah saya yang saya rasa sekolah lain tidak melakukan untuk murid-murid yang nak menghadapi peperiksaan.

**AK** : *Next* [seterusnya] soalan **Bagaimana KPI seorang guru dinilai ?**

**TMJ** : : KPI ini kita tengok kepada “*core*”[kursus utama] dia contohnya cikgu matematik kita tengok KPI dan target beliau kemudian dia mencapai atau tidak dari situ kita kan menilai di akhir peratusan dia mencapai atau tidak. Jadi kalau dia tidak mencapai kita cuba berbincang dengan dia. Bukan menilai di akhir hujung tahun kadang-kadang di akhir pengajaran kita boleh menilai KPI. Kalau sekolah saya TS25 kita boleh menilai melalui “*learning walk*” [melihat cara mengajar] maknanya cikgu atau ketua panitia ini dia panggil sebagai “*senior leader*” [ketua guru subjek] akan meninjau sewaktu cikgu mengajar jadi kalau dia tengok cikgu ini tidak betul kaedah pengajaran atau topik pembelajaran habis pembelajaran dia

akan memanggil cikgu tersebut untuk membuat perbincangan. Perbincangan itu pula kita panggil sesi “*coaching and mentoring*”. Jadi kita boleh tengok pencapaian KPI sesorang cikgu. Tak semestinya kita tunggu hujung tahun baru nak menilai kerana itu adalah penilaian penuh sebenarnya kita menilai KPI sepanjang masa

**AK : Apakah tugas guru praktikal di sekolah ?**

**TMJ :** Selalunya ada guru praktikal yang datang ke sekolah saya tengok dahulu pengkhususan dia contohnya bahasa Inggeris jadi saya akan bagi masa kelas bahasa Inggeris bukan untuk dia mengajar sangat tapi supaya dia boleh berinteraksi dengan murid sekadar untuk membiasakan diri dengan murid dan akan dipantau oleh ketua panitia ataupun cikgu subjek sebenar dia. Kemudian kita akan selalu membimbing kerana tujuan mereka datang untuk mencari pengalaman kalau kita tidak membimbing maka mereka akan tersasar.

**NK : Bagaimana cara memohon guru kontrak ?**

**THH :** Guru kontrak ini biasanya guru yang sudah pencen yang masih ingin sambung mengajar kerana masih sihat. [Ketawa]

**AK : Sekiranya berlaku gejala buli di sekolah cikgu,apakah tindakan cikgu untuk pelajar tersebut ?**

TMJ : Sebagaimana yang saya sebut awal tadi sekiranya berlaku sebarang masalah disiplin kita akan beri kepada guru bimbingan dan guru bimbingan akan teroka sebab berlaku buli atau apa sahaja dan In Shaa Allah guru bimbingan dapat menyelesaikan masalah kerana ini hanya peringkat sekolah rendah kalau sekolah menengah dia lain.

**AK : Berapakah bilangan target pelajar cemerlang UPSR cikgu setiap tahun ?**

TMJ : Sebenarnya dia tiada lagi pelajar target UPSR seperti dahulu. Sekarang ini kita lebih kepada MPM iaitu murid menguasai tahap minimum tapi disebabkan ini ditujukan kepada UPSR memandangkan sekolah saya masih baru maka tahap kecermelangan adalah sederhana jadi setiap tahun saya hanya target 5 pelajar untuk setiap tahun kalau nak dikirakan UPSR yang ada 6A ini sekolah saya setiap tahun menyumbang kepada kecermelangan kepada PPD walaupun ia tidak besar.

**AK : Bagaimana pula dengan pelajar target UPKK ?**

TMJ : UPKK juga sama. UPKK ini sebenarnya dikendalikan oleh guru JAKIM dan bukan kita tapi kena membantu dari segi waktu kelas dan subjek. Alhamdulillah sekolah saya setakat ini kalau tahun lepas merupakan kedua terbaik di dalam PPD Kuala Krai seramai 32 orang pelajar kami memperolehi 8A.

**AK : Bagaimana program fardhu ain sekolah cikgu dijalankan ?**

TMJ : Sama sahaja dengan sekolah lain iaitu 3 hari seminggu ahad, isnin, selasa dan hari rabu menyertai kokurikulum dan hari khamis memang tiada apa-apa sama seperti sekolah lain.

## **BAHAGIAN 5: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN**

**AK : Baiklah kita pergi kepada sumbangan cikgu. Apakah sumbangan cikgu di dalam pentadbiran di sekolah ?**

TMJ : Sumbangan saya kepada cikgu-cikgu saya membawa cikgu saya bukan pergi bersiar-siar tetapi saya bawa mereka berfikir mereka berfikir atas kesedaran tadi. Jadi segi kerjaya saya tidak pernah halang jadi cikgu saya ni malah saya sentiasa membimbing cikgu saya dan memberi dorongan untuk mereka teruskan belajar dan sebagai contoh dah ada seorang PKP saya pergi belajar untuk kursus MPPS dan sekarang ini beliau sudah berjaya dilantik sebagai guru besar di SK Pahi dan kemudian PK Hem saya juga saya galakkan untuk mengikuti MPPS dan sekarang ini beliau sudah menjadi guru besar di SK chuchoh Puteri dan PK Ko saya galakkan untuk lebih fokus ke arah kerjaya dia lalu dia memohon ke PPD dan sekarang ini beliau sudah bekerja di PPD sebagai penolong pengurusan bakat murid jadi saya tidak biarkan cikgu setakat sini sahaya walaupun saya sayang semua cikgu saya termasuk cikgu-cikgu berkaliber tetapi demi kerjaya saya buka peluang mereka teroka kerjaya mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Saya bagi contoh teladan kepada mereka seperti mana yang saya kata tadi saya walaupun pengalaman dalam mengajar sudah lama tetapi apabila

ditawarkan untuk mengikuti PKPGB tadi pun saya ikut juga belajar dan saya terima ijazah dan habis ijazah saya sambung buat master dan berjaya habiskan dan dapatkan master dan bidang yang saya ikut itu tidak ikut seratus peratus bidang kita sahaja apa salahnya kalau kita teroka bidang-bidang lain sewaktu saya membuat master dalam kajian islam walaupun saya bukan seorang ustaz kerana pilihan saya dalam bahasa melayu jadi bila cikgu-cikgu tengok akan perjalanan saya akan terinspirasi untuk sambung belajar kerana guru besar kita yang tua pun masih lagi belajar kenapa mereka tak boleh teruskan lantas mendorong semangat mereka ke arah kejayaan yang lebih cemerlang dari segi kerjaya mereka.

**MAH : Apakah pencapaian yang cikgu tak boleh lupa dari segi individu dan sekolah ?**

**TMJ :** Saya rasa seperti soalan tadi juga bila saya dapat tonjolkan bakat nak-anak murid saya serta cikgu-cikgu saya ke peringkat antarabangsa. Jadi saya sudah menjadi guru besar ke beberapa buah sekolah tetapi di sekolah ini saya tidak dapat lupakan kerana berjaya membawa mereka ke peringkat antarabangsa.



**MAH : Pernah mana-mana sekolah yang cikgu berkhidmat menerima apa-apa penghargaan dari pihak kerajaan atau swasta ?**

TMJ : Kalau dari segi penghargaan saya pernah menerima anugerah APC iaitu anugerah perkhidmatan cemerlang dan saya sudah menerima anugerah ini sebanyak 3 kali sebagai penghargaan daripada kerajaan. Kalau daripada swasta pula saya ada menerima surat kepujian, sijil penghargaan daripada swasta contoh dari IMU (Internation Medical University). Saya juga menerima anugerah sebagai mentor dan penceramah dan juga beberapa kali dijemput sebagai penceramah terutama sekali mengenai topik TS25. Sekolah saya juga beberapa kali dikunjungi pihak luar kerana dijadikan sebagai penanda aras sekolah TS25.

**MAH : Bagaimana dengan sumbangan tertinggi bidang akademik dan bidang kokurikulum di sekolah ?**

TMJ : Kalau pencapaian akademik iaitu 3 tahun berturut dapat menyumbang kepada pelajar 6A UPSR bukan senang untuk memperolehi pencapaian ini tapi kami mampu memberi sumbangan peratusan pelajar cemerlang ke pihak PPD. Dari segi kokurikulum pula ialah kejayaan di peringkat antarabangsa yang saya sebutkan ta

## BAHAGIAN 6: HARAPAN

**MAH : Baiklah kita pergi kepada soalan harapan. Apakah harapan cikgu kepada sistem pendidikan ?**

**TMJ :** Harapan saya kepada sistem pendidikan, ini secara peribadi saya sendiri sebagai seorang yang di ambang peringkat pensen yang masih tinggal setahun lebih sahaja lagi perkhidmatan saya mengharapkan peringkat tertinggi iaitu pihak kerajaan murnikan sistem pendidikan maksudnya jangan terlalu ada pertindanan. Mungkin dari pihak kerajaan rasa perlu tapi kadang-kadang kami yang di peringkat yang melaksana berasa yang ini belum selesai lagi tetapi sudah datang yang baru contoh yang paling mudah sains dan matematik dulu di dalam bahasa inggeris dan sudah nampak kejayaan tetapi kerajaan telah mengubah sudah berapa banyak kerajaan membelanjakan tetapi seperti yang saya katakan tadi mungkin di peringkat tertinggi merasakan benda itu perlu jadi kita sebagai pelaksana hanya melaksana cuma kita kadang-kadang rasa belum cukup puas lagi tiba-tiba datang sistem baru itu sahaja harapan saya.

**MAH : Bagaimana pula harapan cikgu kepada rakan kerja di sekolah ?**

TMJ : Harapan saya agar rakan sekerja saya di sekolah saya boleh beri kerjasama untuk majukan sekolah. Kalau tiada kerjasama maka sekolah tidak akan maju begitu juga sekolah-sekolah lain. Begitu juga dengan harapan saya kepada rakan-rakan guru besar yang lain biar kita boleh beri kerjasama bekerja sebagai sepasukan dan bukan berpasukan. Sepasukan ini maksudnya semua boleh buat kerja masing-masing dan berpasukan ini bekerja secara berpuak contohnya pasukan itu dan ini masing-masing ikut kehendak dan kepala masing-masing

**MAH : Harapan cikgu kepada pelajar ?**

TMJ : Saya mengharapkan semua pelajar saya di akhir alam rendah mereka ini berjaya maksudnya dari segi kemenjadian murid. Kalau tidak cemerlang akademik pun biar pelajar boleh mengikut akademik kalau dalam bidang kokurikulum pula agar semua pelajar saya tahu akan sukan dan peraturan sukan yang ada itulah yang dimaksudkan kemenjadian murid. Manakala harapan apabila mereka tamat di alam menengah biarlah mereka berjaya mendapatkan kerja dan menjadi kakitangan awam selaras dengan harapan kerajaan dalam TS25 iaitu kemenjadian murid.

**MAH : Apakah harapan cikgu kepada sekolah ?**

TMJ : Saya mengharapkan sekolah saya cemerlang setanding dengan sekolah cemerlang di daerah ini dan kalau tengok sekarang ini pun alhamdulillah sekolah saya sudah sebaris dengan sekolah cemerlang yang lain bila membuat pengstrukturian zon sekolah saya dikategorikan sebagai zon 2 sebaris dengan sekolah cemerlang seperti SK SYP1,SK SYP2 dan SK Banggol Guchil.

**MAH : Adakah cikgu ada menyimpan harapan agar sekolah di kelantan sebaris dengan sekolah berkaliber di Malaysia ?**

TMJ : Saya rasa sekolah di Kelantan sudah banyak berkaliber di Malaysia malah lebih menonjol dari beberapa sekolah-sekolah yang hebat sehingga sekolah-sekolah hebat yang lain menjadikan sekolah di Kelantan sebagai penanda aras contoh SK Raja Zainab,SK Dato HashimSK Kubang Kerian 3 jadi untuk mengatakan soal harapan saya mengharapkan bagi sekolah-sekolah yang belum mencapai standard sekolah hebat boleh menonjol bersama-sama.

**MAH : Harapan cikgu kepada bakal-bakal guru ?**

TMJ : [Ketawa} Kepada bakal-bakal guru termasuk dua orang di hadapan saya kalau ambil pendidikan jadi harapan saya kalau jadi pendidik biarlah ada jiwa pendidik jangan jadi pendidik tapi tiada jiwa pendidik.

**MAH : Apakah harapan cikgu yang cikgu idamkan tapi belum tercapai ?**

TMJ : Saya mengharapkan sekolah di Kuala Krai termasuk sekolah saya antara yang terbaik dan boleh membantu PPD Kuala Krai.

**Penutup: [rakam selepas temubual]**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Mohamad Bin Jusoh sebagai di sepanjang berkhidmat sebagai guru besar Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam pendidikan pada masa akan datang Sekian

terima kasih.

# **RUJUKAN**

## **RUJUKAN**

(Tn Hj Mohamad bin Jusoh komunikasi peribadi, Januari 14, 2021)

# LAMPIRAN



## LOG WAWANCARA

Berikut merupakan ringkasan temubual bersama Tn Hj Mohamad bin Jusoh yang bertujuan menceritakan mengenai pengalaman beliau menjadi seorang guru.

MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: PENGENALAN AWAL LATAR BELAKANG</b>		
1.56	Menceritakan tentang biodata beliau	Mohamad Bin Jusoh Pasir Mas Kelantan
05.42	Menceritakan mengenai keluarga (ibu bapa)	Kuala Krai Meninggal dunia. Pendidikan di sekolah pondok

## BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

05:46	Menceritakan tentang pendidikan rendah	Sekolah Agama di Meranti Pasir Mas,  Sekolah Kampung Karang
07:15	Menceritakan tentang pendidikan menengah	Sekolah Menengah Manik Urai  Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra
09:48	Menceritakan mengikuti kursus-kursus professional	Beliau tidak pernah mengikuti sebarang kursus selain daripada kursus perguruan

**BAHAGIAN 3. SEJARAH DAN PENGALAMAN DI  
UNIVERSITI**

10:12	Menceritakan mengenai pengalaman semasa berada di Universiti	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)  Educational Management (Pengurusan Pendidikan)
13:49	Menceritakan mengenai kemudahan yang UIA ada ketika itu	Library [Perpustakaan]  Dewan  Kemudahan kelas yang lengkap
14.45	Menceritakan program yang cikgu diikuti ini adakah melibatkan dengan pelajar antarabangsa	Selalu dihimpun bersama dengan pelajar antarabangsa  Pensyarah juga ada yang daripada foreigner [Antarabangsa]
15:29	Menceritakan mengenai ketua Fakulti Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada masa itu	Dr Burhan
16:54	Menceritakan mengenai keunikan fakulti tersebut	tidaklah unik sangat
19:20	Menceritakan mengenai rasa dengan pensyarah disana kerana cikgu merupakan seorang guru besar dan masih belajar di universiti	tidak kekok (janggal)  berasa <i>kekok</i> [janggal] dengan pensyarah foreigner

20:20	Menceritakan mengenai pernah terlibat dengan apa-apa persatuan semasa di UIA	Tidak dilibatkan dengan persatuan
20:56	Menceritakan mengenai pernah menyertai pertandingan anjuran fakulti	Tidak pernah
21:02	Menceritakan mengenai kenapa tidak dilibatkan	Ditaja oleh kementerian  Bukannya kami mohon sebagai pelajar universiti biasa
21:42	Menceritakan tentang pernah menerima apa-apa anugerah anugerah atau penghargaan daripada fakulti	Dapat anugerah dekan
22:37	Menceritakan tentang cara mengurus kewangan ketika berada di fakulti	Tidak mempunyai masalah Elaun
23:05	Menceritakan tentang pergi lawatan sepanjang berada di fakulti	IAB SK Ulu Lubai Sarawak
23:31	Menceritakan tentang tempat kediaman semasa di fakulti	<i>mahallah</i> [asrama] homestay
25:05	Menceritakan tentang tempat kemudahan kenderaan?	Kenderaan sendiri Pihak unvertiser akan disediakan
25:48	Menceritakan tentang cara pelajar zaman dahulu berkomunikasi ketika membuat kerja berkumpulan ,perbincangan atau ulangkaji atau cara belajar atau membuat assignment ketika itu	Sama dengan pelajar lain Pergi <i>library</i> [perpustakaan] dan dapatkan sumber

28:11	Menceritakan tentang jumlah perbelajaan semasa pengajian dahulu	Ditaja oleh Institut Aminudin Baki
28:59	Menceritakan tentang kaedah pembelajaran iaitu cara amalkan semasa belajar di Universiti dahulu	Secara kumpulan , Belajar secara individu
30:00	Menceritakan tentang cara mengurus masa ketika berada di Universiti.	Pandai mengurus masa membuat kerja tepat masa
31:41	Menceritakan tentang subjek kesukaan ketika berada di universiti dahulu	Subjek Pengurusan
33:14	Menceritakan tentang pengetahuan mengenai prospek kerjaya seorang guru pada ketika itu	Sudah mempunyai pengetahuan kerana sudah menjadi guru

#### BAHAGIAN 4. PENGALAMAN KERJAYA

35:20	Sekolah pertama cikgu mengajar termasuk tahun bila	Sekolah pertama saya melaporkan diri sebagai guru sandaran tidak terlatih ialah SK Jerek Gua Musang pada 16 haribulan Februari tahun 1983
37:35	Subjek pertama cikgu mengajar	Subjek bahasa melayu dan sains
38:22	Kaedah PDP (Pengajaran dan Pembelajaran) yang digunakan oleh cikgu sewaktu zaman itu	Kaedah “chalk & talk” Maksudnya guna papan hitam dan buku latihan.
39:40	Cikgu masih mengingati anggaran pelajar ketika itu	Anggaran 70 pelajar
40:30	Jarak antara sekolah dengan rumah kediaman	Banyak kilometer masa itu
41:30	Adakah cikgu merasa tertekan ketika menjadi seorang cikgu	Tiada Cuma apanila kerja terlau banyak
44:05	Pasal kelas cantum jadi macam mana pelajar tahun 1 dan pelajar tahun 2 akan belajar sekali	Silibus itu kita gabung Ambik yang pertengahan yang kedua-dua pelajar boleh ikuti

44:45	<p>Adakah sukar menjadi guru besar</p> <p>Apakah kriteria menjadi guru besar</p> <p>Apakah cabaran menjadi guru besar</p>	<p>MPQEL ini kita kena mohon untuk jadi guru besar</p> <p>Kena lulus ujian</p> <p>Kena lulus temuduga</p> <p>Kriteria pemilihan itu terserah kepada pihak bertanggungjawab</p>
46:10	Cabaran dan perasaan	<p>Benda baru kita akan rasa tertanya-tanya</p> <p>Sebagai guru besar tidak timbul sebarang masalah</p> <p>Kalau kita rasa keangkuhan dan keegoan kita sebagai guru besar kita akan menghadapi masalah</p>
48:03	Agihkan masa dengan keluarga dan kerjaya	Tidak menjadi sebarang masalah antara nak agihkan masa antara kerjaya dan keluarga
49:15	Perbezaan ketara cikgu rasa sewaktu menjadi guru biasa dan guru besar	<p>Guru biasa kita diarah</p> <p>Guru Besar kita mengarah</p>
50:15	<p>Berapa lama cikgu berkhidmat sebagai guru besar</p> <p>Sudah berapa tahun</p>	<p>Dari 2011 lagi</p> <p>10 tahun</p>
50:40	Perbezaan murid dahulu dan sekarang	<p>Murid dahulu dia tidak banyak pendedahan</p> <p>Murid sekarang ini apa yang cikgu beri tunjuk ajar bukan dia tak terima</p>

		tetapi dia kaji dahulu
52:55	Apa ciri-ciri menjadi guru cemerlang	Kerjasama dengan rakan sejawat
54:36	Perbezaan sekolah rendah dan sekolah menengah  Suasana pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah	Teguran pelajar sekolah rendah ini dia boleh terima kerana lebih kepada takut  Dari sekolah menengah itu nak kata dia takut tu berkuranglah sebab sudah besar
58:30	Bagaimana cara cikgu mentadbir sekolah  Moto dan prinsip cikgu sendiri	Menggunakan akronim SEDAR.  SEDAR itu sedar diri lah masing-masing sedar dan tahu apa yang perlu dibuat
1:01:37	Apa itu cikgu TS 25	TS 25 itu ialah transformasi sekolah. TS25  Pada tahun 2025 nanti semua sekolah akan menjadi transformasi
1:03:06	Mengawal murid bermasalah	Hantar ke guru bimbingan
1:04:01	Tanggungjawab paling penting semasa menjadi guru besar	Meletakkan hala tuju saya di atas sekali ialah saya letak moto sedar di puncak jaya
1:08:29	Cikgu mengekalkan hubungan antara cikgu di sekolah tersebut	Tahu tugas,tanggungjawab dan peranan dia baik murid,guru atau pekerja sekalipun jadi bila masing-masing sedar



1:11:29	Kenangan manis dan pahit semasa cikgu menjadi guru besar	<p>Bila kita rasa cikgu-cikgu kita ataupun kakitangan kita dan murid-murid kita boleh terima kita dia tidak akan ada pengalaman pahit</p> <p>Apabila satu-satu kejayaan di peringkat sekolah boleh tonjolkan kiat akan rasa pengalaman manis</p>
1: 14:18	Mengekalkan kondisi infrastruktur sekolah dalam keadaan baik	<p>Ini kita beri peranan cikgu 3K</p> <p>3K ini ialah kebersihan,keceriaan dan kesihatan</p> <p>Jadi cikgu sebagai ketua pasukan bersama cikgu-cikgu aset untuk kita tengok aset kita</p>
1:16:43	Pada hari guru adakah cikgu mengenakan tema untuk memeriahkan hari tersebut	Mengenakan tema kerjaya
1:17:50	Adakah cikgu memberi fokus unit kokurikulum sebaris dengan unit akademik	Dari segi TS 25 ini dia ingin melihat kemenjadian murid
1:20:25	Cara cikgu mencari bakat di dalam bidang seperti nasyid,sukan,kokurikulum dan sebagainya	<p>Beri peluang dulu kepada yang berminat</p> <p>Membuat pemilihan kerana tak semestinya dia berminat itu dia ada bakat</p>

1:21:26	Bagaimana cikgu menguruskan kewangan sekolah	Kewangan sekolah ini kita kena belanja secara berhemah dan mengikut SOP
1:22:21	Bagaimana hubungan pihak PIBG dengan sekolah	Hubungan dengan PIBG alhamdulillah tidak timbul sebarang masalah
1:23:30	Sekiranya ada pihak lain seperti MILO, Yakult dan sebagainya datang ke sekolah bagaimana cara cikgu menyambut kedatangan tersebut	Sebenarnya dari segi ini kita diminta sangat-sangat untuk bekerjasama dengan pihak luar NGO dan sebagainya
1:25:40	Apakah program tuan bersama cikgu dan staf di sekolah yang tidak melibatkan pelajar	Hari keluarga
1:26:14	Apakah program yang cikgu sediakan untuk pelajar menghadapi peperiksaan	Membuat kelas tambahan Setiap hari rabu kita kan sembahyang subuh di sekolah
1:28:12	Bagaimana KPI seorang guru dinilai	Cikgu atau ketua panitia ini dia panggil sebagai "senior leader" akan meninjau sewaktu cikgu mengajar
1:29:58	Apakah tugas guru praktikal di sekolah	Supaya dia boleh berinteraksi dengan murid sekadar untuk membiasakan diri
1:31:57	Bagaimana cara memohon guru kontrak	Guru kontrak ini biasanya guru yang sudah pencen yang masih ingin sambung mengajar kerana masih sihat
1:32:53	Sekiranya berlaku gejala buli di sekolah cikgu, apakah tindakan cikgu untuk pelajar tersebut	Guru bimbingan akan teroka sebab berlaku buli atau apa sahaja dan In Shaa Allah guru bimbingan dapat menyelesaikan masalah

1:33:47	Berapakah bilangan target pelajar cemerlang UPSR cikgu setiap tahun	Sebenarnya dia tiada lagi pelajar target UPSR seperti dahulu.
1:35:12	Bagaimana pula dengan pelajar target UPKK	UPKK ini sebenarnya dikendalikan oleh guru JAKIM dan bukan kita tapi kena membantu dari segi waktu kelas dan subjek
1:35:50	Bagaimana program fardhu ain sekolah cikgu dijalankan	Sama sahaja dengan sekolah lain iaitu 3 hari seminggu ahad, isnin, selasas
<b>BAHAGIAN 5. SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN</b>		
1:36:30	Sumbangan di dalam pentadbiran sekolah	Menggalakkan guru-guru menyertai kursus kenaikan pangkat  Memberi inspirasi kepada rakan sekerja untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat lebih tinggi

1:39:21	Pencapaian dari segi individu dan sekolah	Berjaya membawa nama sekolah ke peringkat antarabangsa (taekwando)  Menonjolkan bakat pelajar ke peringkat antarabangsa
1:40:03	Menerima anugerah atau penghargaan dari pihak kerajaan atau swasta	Menerima anugerah APC sebanyak 3 kali (Anugerah Perkhidmatan Cemerlang)  Menerima surat kepujian dari IMU (International Medical University)  Penanda aras TS25 (Program Transformasi Sekolah 2025)
1:41:48	Sumbangan tertinggi bidang akademik sekolah dan kokurikulum sekolah	3 tahun berturut-turut dapat menyumbang kepada pelajar 6A UPSR  Kejayaan di peringkat antarabangsa

### BAHAGIAN 6. HARAPAN

1:42:31	Harapan kepada sistem pendidikan	Mengharapkan peringkat tertinggi iaitu pihak kerajaan murnikan sistem pendidikan maksudnya jangan terlalu ada pertindanan.
---------	----------------------------------	--

1:44:04	Harapan kepada rakan sekerja di sekolah	<p>Agar rakan sekerja saya di sekolah saya boleh beri kerjasama untuk majukan sekolah</p> <p>Kepada rakan-rakan guru besar yang lain biar kita boleh beri kerjasama bekerja sebagai sepasukan dan bukan berpasukan</p>
1:44:50	Harapan kepada pelajar	Mengharapkan semua pelajar saya di akhir alam rendah mereka ini berjaya maksudnya dari segi kementerian murid
1:46:31	Harapan kepada sekolah	Mengharapkan sekolah saya cemerlang setanding dengan sekolah cemerlang di daerah ini
1:47:20	Menyimpan harapan agar sekolah di Kelantan sebaris dengan sekolah berkaliber di Malaysia	Mengharapkan bagi sekolah-sekolah yang belum mencapai standard sekolah hebat boleh menonjol bersama-sama
1:48:27	Harapan kepada bakal-bakal guru	Kepada bakal-bakal guru termasuk dua orang di hadapan saya kalau ambil pendidikan jadi harapan saya kalau jadi pendidik biarlah ada jiwa pendidik jangan jadi pendidik tapi tiada jiwa pendidik
1:49:35	Harapan cikgu yang cikgu idamkan tapi belum tercapai.	Saya mengharapkan sekolah di Kuala Krai termasuk sekolah saya antara yang terbaik dan boleh membantu PPD Kuala Krai.

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00 ptg -10.00 pg	27 Okt 2020	<p>Kami diberi penerangan oleh Puan Nurulannisa mengenai Oral History dan Puan Nurulannisa memberi tahu tajuk kajian lisan pada tahun ini ialah tokoh tempatan daripada negeri pantai timur</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk membentuk kumpulan seramai dua orang satu kumpulan dan Puan Nurulannisa menyuruh setiap kumpulan memikirkan tempat untuk di buat kajian.</p>	<p>Membuat catatan tentang kajian lisan dan tajuk tugas yang perlu di lakukan.</p> <p>Menentukan siapa ahli kumpulan.</p>
8.00 mlm – 11 mlm	28 Okt 2020	Mencari maklumat mengenai tokoh dalam bidang pendidikan	Mencari maklumat di Google dan bertanya dengan orang lain.
2.00 ptg – 4.00 ptg	05 November 2020	Kami mengusulkan tajuk yang telah kami kenal pasti kepada Puan Nurulannisa	Mendapat persetujuan daripada pensyarah.

2.00 ptg – 3.00 ptg	5 November 2020	Mengubungi Tn Hj Mohamad Bin Jusoh untuk bertanyakan kesudian beliau di temubual.	Mendapat bersetuju untuk di temubual.
2.00 ptg – 4.00 ptg	6 Novermber 2020	Berbincang dengan pensyarah mengenai soalan yang akan ditanya kepada Tn Hj Mohamad Bin Jusoh.	Berbincang dan memperbetulkan soalan.
08.00 pg – 10.00 pg	11 Nov 2020	Mendapatkan surat kebenaran rasmi UiTM .	Mendapatkan surat.
2.00 ptg – 4.00 ptg	22 Disember 2020	Menunjukkan semula soalan yang ingin ditujukan kepada Tn Hj Mohamad bin Jusoh	Soalan diluluskan oleh pensyarah.
2.00 ptg – 3.00 ptg	05 Jan 2021	Menghubungi Tn Hj Mohamad bin Jusoh untuk mendapatkan tarikh ditemubual.	Mendapat tarikh untuk ditemubual.

10.00 pg – 11.00 pg.	6 Jan 2021	Menghantar senarai soalan kepada Tn Hj Mohamad bin Jusoh	Soalan dihantarkan kepada Tn Hj Mohamad bin Jusoh.
11.00 pg – 12.00 pg.	7 Jan 2021	Mengingatkan Tn Hj Mohamad bin Jusoh mengenai tarikh temubual.	Mengingatkan Tn Hj Mohamad bin Jusoh dan bertanyakan mengenai masa.
2.30 ptg – 3.00 ptg	10 Jan 2021	Tn Hj Mohamad bin Jusoh menghubungi kami terpaksa menukar tarikh untuk menemubual.	Mendapatkan tarikh baru untuk di temubual.
2.00 ptg – 4.00 ptg	14 Januari 2021	Temubual bersama Tn Hj Mohamad bin Jusoh melalui google meet	Temubual bermula.



## SENARAI SOALAN

### **Pengenalan: [rakam sebelum temubual]**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh guru. Bersama-sama kami ialah **MOHAMAD BIN JUSOH** yang merupakan seorang guru besar di Sk Bandar Kuala Krai. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 14 Januari 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 2 Petang melalui medium Google Meet . Temubual ini dikendalikan oleh Ahmad Khuzaimi Abdul Wahid dan Muhammad Alif Haikal Mazlan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

## **A. Latar belakang**

1. Ceritakan tentang biodata tuan
2. Ceritakan tentang keluarga tuan
3. Cerita tentang pasangan tuan dan anak-anak

## **B. Sejarah Pendidikan**

4. Dimana tuan mendapat pendidikan semasa kanak-kanak
5. Di mana Sekolah rendah tuan?
6. Di mana Sekolah menengah tuan?
7. Tuan belajar di Universiti mana?
8. Apakah Kursus-kursus professional lain yang pernah tuan diikuti

## **C. Sejarah/Pengalaman di Universiti**

10. Pengalaman pembelajaran di universiti ?
11. Di manakah lokasi belajar ketika itu ?
12. Suasana pembelajaran (Bangunan dan kemudahan ketika itu)
13. Kemudahan yang ada (Kantin, gerai, kafe, makmal, perpustakaan, rekreasi dsb)
14. Siapakah ketua fakulti ketika itu ?
15. Persepsi rakan-rakan dan keluarga mengenai kursus ini.
16. Apakah Keunikan fakulti
17. Pengetahuan mengenai prospek kerjaya
18. Pernah terlibat dalam apa-apa persatuan pelajar ?
19. Pernah mewakili fakulti dalam kategori sukan dan kokurikulum ?
20. Pernah memasuki mana-mana pertandingan anjuran fakulti/universiti ?
21. Pernah menjuarai apa-apa hadiah atau pingat sepanjang berada di universiti ?
22. Pernah menerima apa-apa anugerah atau penghargaan sepanjang berada di fakulti/universiti ?
23. Cara menguruskan kewangan sepanjang berada di fakulti/universiti ?
24. Pada zaman sekarang pelajar menerima bantuan kewangan dari institusi kerajaan mahupun swasta. Bagaimana dengan bantuan zaman tuan dahulu ?
25. Pernah mengikuti lawatan sambil belajar sepanjang berada di fakulti/universiti ?
26. Bagaimana dengan kawasan tempat tinggal atau penginapan pelajar sepanjang berada di fakulti/universiti ?
27. Bagaimana dengan kemudahan kenderaan sepanjang berada di fakulti/universiti ?
28. Cara pelajar zaman dahulu berkomunikasi ketika membuat kerja berkumpulan ,perbincangan atau ulangkaji ?
29. Jumlah kos perbelanjaan tuan ketika belajar di Universiti (buku-buku rujukan,yuran dan sebagainya.)
30. Kaedah pembelajaran ketika belajar di Universiti
31. Bagaimana cara mengurus masa ketika belajar di Universiti.
32. Apakah subjek kesukaan ketika belajar di Universiti.
33. Berapa subjek yang diambil setiap semestar ketika belajar di Universiti
34. Pandangan pada masa itu, macam mana Pengetahuan mengenai prospek kerjaya seorang guru

## **D. Pengalaman Kerjaya**

35. Sekolah pertama yang tuan mengajar?
36. Subjek pertama yang tuan mengajar?
37. Tahun bila tuan mula mengajar?
38. Kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (PDP)
39. Berapa bilangan guru yang ada di sekolah pada masa tersebut?
40. Berapa anggaran pelajar pada masa itu?
41. Minat (Apa yang menyebabkan cikgu ingin menjadi seorang guru.)
42. Berapa jarak antara sekolah dengan rumah kediaman.
43. Adakah tuan pernah merasa tertekan semasa menjadi seorang guru?
44. Bagaimanakah tuan mengawal pelajar di dalam kelas dengan baik
45. Sebelum menjadi guru besar, pernah menjadi guru apa?
46. Apa tugas dan tanggungjawab sebagai menjadi seorang guru sebenarnya?
47. Apa perasaan tuan bila dilantik sebagai guru besar ?
48. Adakah sukar menjadi seorang guru besar?
49. Apakah cabaran yang dihadapi ketika menjadi guru atau guru besar
50. Macam mana tuan mengagihkan masa dengan keluarga dan kerjaya ?
51. Apakah kriteria yang dipilih untuk menjadi guru besar?
52. Adakah ada perbezaan tugas guru biasa dengan guru besar
53. Berapa lama dah berkhidmat sebagai guru besar?
54. Pada pendapat anda, apakah perbezaan antara murid pada dahulu dengan murid sekarang?
55. Apakah ciri-ciri menjadi guru yang cemerlang?
56. Macam mana tuan mengawal tekanan semasa menjadi guru besar
57. Bagaimanakah tuan mentadbir sekolah?
59. Bagaimana tuan mengawal murid-murid yang bermasalah
60. Apakah tanggungjawab yang paling penting dalam menjadi seorang guru besar?
61. Macam mana tuan mengekalkan hubungan antara cikgu-cikgu didalam sekolah tersebut
62. Apakah cara tuan membentuk keperibadian murid yang mulia
63. Apakah pengalaman manis yang diperoleh semasa menjadi guru besar
64. Apakah pengalaman pahit yang diperoleh semasa menjadi guru besar
65. Bagaimana tuan membaiki pulih serta mengekalkan kondisi infrastruktur sekolah dalam keadaan baik ?
66. Pada hari guru, adakah tuan mengenakan sebarang tema bagi memeriahkan lagi hari guru ?
67. Adakah tuan memberi fokus terhadap unit kokurikulum dan sukan sebaris dengan pembelajaran di sekolah ?
68. Bagaimana cara tuan mencari bakat-bakat pelajar di dalam bidang lain seperti (nasyid, sukan, kokurikulum dan sebagainya)
69. Bagaimanakah tuan mengeratkan hubungan antara staf-staf yang berada di sekolah tersebut
70. Bagaimana cara tuan menguruskan kewangan sekolah ?
71. Bagaimana hubungan dengan PIBG dengan pihak sekolah
72. Apakah peranan pejabat pendidikan daerah (PPD) terhadap sekolah ?
73. Apakah peranan tuan dalam membantu murid yang mempunyai masalah kewangan
74. Adakah sekolah tuan jenis berasrama penuh atau biasa ?
75. Sekiranya ada pihak lain seperti MILO, yakult dan sebagainya datang ke sekolah membuat projek amal, bagaimana cara tuan menyambut kedatangan ?
76. Sekiranya pihak universiti dari wakil pelajar dan staf ingin datang ke sekolah , untuk

membuat school atatch atau program pendedahan menara gading, murid darjah berapa yang tuan fokus atau pilih untuk hadir ke program tersebut ?

77. Apakah program tuan bersama cikgu dan staf di sekolah yang tidak melibatkan pelajar ?

78 Apakah program yang tuan buat untuk pelajar yang menghadapi peperiksaan.

79 Bagaimana kpi seorang guru dinilai ?

80 Apakah tugas seorang guru praktikal di sekolah ?

81 Bagaimana cara memohon guru kontrak ?

82 Jika sekiranya berlaku gejala buli,apakah tindakan yang tuan ambik untuk pelajar tersebut

83 Berapakah bilangan target pelajar cemerlang upsr tuan setiap tahun ?

84 Bagaimana pihak sekolah menentukan pelajar target cemerlang upsr setiap tahun ?

85 Bagaimana pula dengan pelajar target upkk ?

86 Adakah sekolah tuan dibahagi dengan sesi pagi atau petang ?

87 Bagaimana program fardhu ain dijalankan di sekolah tersebut

88 Sewaktu cuti sekolah bermula, apakah tugas guru sewaktu musim cuti bermula ?

89 Apakah peraturan sekolah yang sering dilanggar oleh pelajar ?

90 Berapakah peratusan kehadiran pelajar setiap tahun ?

91. Apakah hadiah yang sering tuan dapat ketika hari guru

92. Apakah subjek kegemaran yang tuan suka mengajar ?

93. Apakah bidang subjek tuan ?

#### **E. Sumbangan/Pencapaian**

94. Apakah sumbangan tuan dalam pentadbiran di sekolah

95. Apakah pencapaian tertinggi tuan dari segi individu ?

96. Apakah pencapaian tertinggi sekolah tuan ?

97. Apakah pencapaian tuan yang paling tidak tuan lupakan ?

98. Pernah mana-mana sekolah yang tuan bekerja menerima apa-apa penghargaan dari mana-mana badan kerajaan atau swasta?

99. Apakah sumbangan dalam bidang akademik di sekolah

100. Apakah sumbangan tuan dalam bidang kokurikulum di sekolah

101. Apakah antara pogram-program yang dibuat di sekolah memberi impak kepada sekolah

102. Apakah sumbangan tuan dalam melahirkan pelajar yang cemerlang

#### **F. Harapan**

103 Apakah harapan tuan kepada sistem pendidikan ?

104 Apakah harapan tuan terhadap rakan sekerja di sekolah tuan ?

105 Apakah harapan tuan terhadap pelajar-pelajar di sekolah tuan ?

106 Apakah harapan tuan kepada Sekolah ?

107 Adakah tuan menyimpan harapan terhadap sekolah-sekolah di Kelantan sebaris dengan sekolah berkaliber di negeri lain ?

- 108 Apakah harapan tuan kepada bakal-bakal guru ?  
109 Apakah harapan tuan yang masih belum tercapai?

**Penutup: [rakam selepas temubual]**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan *MOHAMAD BIN JUSOH* sebagai di sepanjang berkhidmat sebagai guru besar Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam pendidikan pada masa akan datang Sekian, terima kasih.

# **INDEKS**

# INDEKS

## G

GSTT, 3,4

## H

Homestay 9

## K

Kolokium, 24

Kekok,6,7

## M

Mahallah, 9

## T

TS25,21,22,23,25,30,30,36,  
38

Taekwando,25

## P

PPD, 32,33,34,36

## U

UPSR, 32,36,

UPKK,33